Bagaimanapun, program kredit kredit telah diyakini dapat menggalakkan pemerksaan wanita luar bandar dengan cara yang efektif. Banyak negara telah menjadikan program kredit kredit sebagai strategi pemerksaan wanita dan mengurangkan kemiskinan. Sebagaimana pandangan Brush, Carter, Gatewood dan Hart (2006) yang menyatakan bahawa kemiskinan boleh dikurangkan dengan menggalakkan pembangunan ekonomi negara dimulakan pada wilayah luar bandar dan dengan cara melibatkan wanita. Pertubuhan dunia seperti Bank Dunia dan UNDP pun telah menggunakan program kredit mikro sebagai strategi mengurangkan kemiskinan di banyak negara miskin dan membangun. Sabitan itu diperkukuh oleh kajian-kajian yang telah dijalankan ramai pakar. Kajian yang dijalankan Bernasek dan Stanfield (1997) di Bangladesh menyatakan bahawa program kredit mikro yang diberikan kepada wanita miskin telah memberi peluang untuk meningkatkan ekonomi dan sosial keluarga wanita peminjam. Matovu (2006) telah meninjau kesan

kewangan mikro kepada wanita luar bandar di Uganda, di mana pinjaman wang telah membantu wanita miskin membangunkan perniagaan. Daripada perniagaan tersebut, mereka boleh memiliki pendapatan sendiri untuk dapat membiayai keperluan isi rumah, pendidikan anak dan kesihatan keluarga. Jayo, Pozzebon dan Diniz (2009) pun mendapati bahawa program kredit mikro telah menggalakkan wanita luar bandar di Conjunto Pameiras, Brazil menjadi lebih produktif dan boleh memiliki simpanan sendiri. Manakala Kumari (2011) menyatakan bahawa program kredit mikro di sektor pertanian di Kerala, India, telah membantu wanita miskin dalam memperkuat hak-hak mereka sebagai warganegara.

Walaupun program kredit mikro telah menunjukkan kejayaan dalam pendapatan isi rumah yang semakin meningkat dan penyertaan wanita yang lebih aktif dalam pembangunan masyarakat, beberapa pengkaji pun berhujah bahawa program kredit mikro tidak berjaya dalam memberikan kebajikan kepada peserta, walaupun ia telah membantu golongan miskin untuk mendapatkan wang. Dalam satu kajian di Distrik Kandi, Srilanka, Aladuwaka (2003) mendapati beberapa peminjam berasa bahawa kebajikan mereka tidak selalu bertambah baik, kerana mereka tidak memperoleh pendapatan yang lebih banyak daripada perniagaan mereka. Tambahan pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan telah habis untuk membayar balik pinjaman, manakala tak ada yang boleh digunakan untuk keperluan isi rumah. Walau demikian, Aladuwaka (2003) menuliskan bahawa ramai peminjam tetap berupaya mengekalkan perniagaan mereka walaupun tiada memperoleh pendapatan lebih. Kerana melalui aktiviti perniagaan tersebut, wanita miskin telah mempunyai cara untuk mendapatkan wang walaupun hanya cukup untuk memenuhi keperluan harian. Selainnya, mereka masih cuba untuk mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi. Kajian itu diperkukuh Alemu (2008) yang menyatakan bahawa meskipun program kredit mikro telah diiktiraf sebagai satu strategi mengurangkan kemiskinan di Ethiopia, dan menggalakkan wanita miskin menjalankan aktiviti perniagaan manakala boleh mendapatkan wang sendiri, tetapi belum cukup membantu mereka lepas dari lingkaran ganas kemiskinan, kerana ada hutang yang mereka perlu menanggung.

Dalam kajian kedua-dua Aladuwaka (2003) dan Alemu (2008) mendapati

beberapa peminjam wanita tidak berasa kebajikan bertambah baik dan mendapat kehidupan yang lebih baik daripada aktiviti perniagaan yang dimodali kredit mikro. Tetapi para wanita peminjam tetap berupaya mengekalkan perniagaan yang mereka jalankan manakala mereka tetap boleh memperoleh pendapatan yang kecil. Dalam keadaan ini, ramai peniaga wanita hanya cuba mendapatkan wang untuk memenuhi keperluan harian mereka. Hal itu memberikan simpulan tentatif bahawa tiada pengurangan ketara dalam kadar keseluruhan kemiskinan, sebab masih terdapat banyak kes kemiskinan yang tidak dapat diselesaikan melalui strategi kredit mikro. Tetapi program kredit mikro telah kewujudan pendapatan untuk golongan miskin.

Hakikat ini menimbulkan soalan: Apakah kredit mikro yang digunakan wanita miskin untuk mewujudkan perniagaan, telah membolehkan mereka terlepas daripada kemiskinan?

Soalan tersebut memulakan penyelidikan ini, iaitu untuk mengkaji peranan kredit mikro dalam mengurangkan kemiskinan. Ianya untuk memastikan kebenaran pandangan Brush et al (2006) mengenai pengurangan kemiskinan dapat dimulakan dengan penglibatan wanita luar bandar, dan membuktikan kajian Bernasek dan Stanfield (1997) bahawa kredit mikro dapat meningkatkan ekonomi dan kebajikan keluarga wanita peminjam. Manakala pandangan Aladuwaka (2003) yang menyatakan bahawa kredit mikro belum dapat mengurangkan kemiskinan kerana telah melibatkan wanita miskin ke dalam hutang, menjadi tumpuan kajian ini untuk mendapatkan strategi yang boleh membantu wanita peserta program agar dapat meningkatkan kebajikan keluarga. Kajian ini menggunakan pendekatan pemerksaan wanita, untuk melihat kesan program kredit mikro dalam mencapai orang-orang miskin dan membantu mereka lepas daripada kitaran kemiskinan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji dan meneroka proses pemerksaan wanita melalui program kredit mikro. Kajian dibuat dengan tumpuan kepada mekanisme kredit mikro koperasi dan kesannya kepada peminjam dan kedua-dua



keluarga dan masyarakat. Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti mekanisme program kredit mikro koperasi dalam menggalakkan pemerksaan wanita, mengekalkan aktiviti perniagaan dan memberi kesan kepada perubahan sosial. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menenalpasti kesan kredit mikro kepada pemerksaan wanita
2. Menenalpasti kesan kredit mikro dalam meningkatkan kebajikan keluarga
3. Menenalpasti kesan kredit mikro dalam meningkatkan kebajikan komuniti
4. Menenalpasti kesan kredit mikro dalam mengurangkan kemiskinan

### **1.5 Persoalan Kajian**

Untuk mencapai objektif kajian, penyelidikan ini dipandu dengan persoalan kajian seperti berikut:

1. Bagaimana kredit mikro dapat menggalakkan pemerksaan kepada wanita?
2. Bagaimana kredit mikro dapat meningkatkan kebajikan kepada keluarga?
3. Bagaimana kredit mikro dapat meningkatkan kebajikan komuniti
4. Bagaimana kredit mikro dapat mengurangkan kemiskinan

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah penting kerana dapatannya boleh memberikan pemahaman baru dalam proses pemerksaan wanita melalui program kredit mikro. Hasil kajian ini dijangka memberi manfaat kepada semua pihak yang mempunyai tanggungjawab dalam pembangunan ekonomi rakyat yang bertujuan kepada pengurangan kemiskinan. Kebaikan penyelidikan ditujukan terutamanya untuk:

1. Akademik/Penyelidikan boleh digunakan sebagai rujukan untuk kajian selanjutnya, terutamanya pembinaan ilmu pengetahuan dalam bidang kewangan dan kredit mikro. Kajian ini dapat memberi dimensi dan kefahaman baru kepada proses pemerksaan wanita yang dapat menggalakkan pembangunan ekonomi masyarakat. Selepas kajian ini, ia dijangka bahawa lebih banyak kajian perlu

dilakukan untuk mencari strategi yang lebih baik untuk mengurangkan kemiskinan di dunia.

2. Kerajaan. Keputusan kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan dan penubuhan peraturan baru terkait kepada polisi kewangan mikro dan strategi pengurangan kemiskinan yang boleh mencapai sasaran yang sebenar. Ia juga dijangka bahawa keputusan kajian ini boleh menjadi rujukan bagi kerajaan untuk dasar-dasar dan program-program untuk mengurangkan kemiskinan, menggalakkan dan melibatkan pihak berkepentingan yang tahu lebih lanjut mengenai kehidupan masyarakat yang menjadi sasaran program.
3. Institusi kewangan. Keputusan kajian ini boleh digunakan sebagai dasar sistem kredit mikro untuk membuat rujukan bagi seluruh masyarakat, terutamanya golongan miskin dan sangat miskin di kawasan luar bandar, dan meningkatkan perkhidmatan institusi kewangan mikro kepada semua pelanggan. Keputusan ini juga dijangka akan menjadi rujukan bagi institusi kewangan untuk memperbaiki pengurusan mereka pada masa hadapan.
4. Institusi penderma baik tempatan dan antarabangsa, pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan yang menjalankan program pengurangan kemiskinan dan pemerksaan wanita melalui program kredit mikro, keputusan kajian ini boleh menjadi rujukan untuk meningkatkan upaya pengurangan kemiskinan dan pemerksaan wanita, manakala dapat menjadi lebih efektif.
5. Masyarakat. Keputusan kajian ini boleh menjadi maklumat penting untuk penglibatan masyarakat untuk ikut serta dalam proses pemerksaan wanita dan mengurangkan kemiskinan, dan menjadi pengajaran penting untuk memperbaiki kehidupan lebih ramai golongan miskin.
6. Secara umum, kajian ini adalah sumbangan kepada sains sosial untuk peningkatan sains ekonomi dan sosial, dan boleh menjejaskan perubahan dalam masyarakat yang lebih luas, baik secara langsung dan tidak langsung. Keputusan kajian ini dijangka memainkan peranan penting dalam merangka dasar pengurangan kemiskinan dan strategi untuk pembangunan luar bandar yang lebih baik.

## 1.7 Rasional Kajian

Kebanyakan kajian mengenai program kredit mikro memfokuskan kepada bagaimana pinjaman telah membantu pemerksaan wanita miskin, manakala mereka boleh meningkatkan status dalam rumah kerana telah ikut serta dalam meningkatkan kebajikan isi rumah. Program kredit mikro berkenaan adalah program yang mengutamakan pembangunan kumpulan wanita peserta program, di mana institusi kewangan sebagai penyedia program pun memberikan sokongan iaitu pelatihan, dan lainnya. Kajian ini secara khusus dijalankan kepada program kredit mikro yang mengutamakan kebebasan peserta program. Peserta program tidak terikat kepada kumpulan untuk boleh mendapatkan pinjaman, tetapi mengajukan secara sendiri-sendiri.

Dalam banyak kajian yang telah dijalankan antara lain di Bangladesh, Nepal, Ethiopia, dan Brazil, program kredit mikro bagi wanita adalah disediakan oleh pertubuhan yang dibangunkan khas bagi kumpulan wanita miskin, serupa Grameen Bank di Bangladesh, Grameen Bikas Bank di Nepal, Amhara Credit and Saving Institute (ACSI) di Ethiopia, Banco Palmas di Brazil (Alemu, 2008; Bernasek dan Stanfield, 1997; Dulal, 2007; Jayo Pozzebon dan Diniz, 2009).

Pertubuhan-pertubuhan tersebut tidak hanya menyediakan pinjaman kecil kepada kumpulan wanita miskin, tetapi juga menyokong peningkatan keupayaan mereka dalam hal pengurusan, mengaturkan dan kerjasama dalam kumpulan. Sebagaimana Kabeer (1999) mengatakan bahawa dalam menggalakkan pemerksaan wanita, ianya tidak boleh dijalankan secara spontan oleh wanita itu sendiri, tetapi perlu mendapatkan rangsangan daripada pihak lain. Sokongan pihak luar dalam proses pemerksaan wanita iaitu melibatkan pembangunan sosial untuk meningkatkan kapasiti dan hak mereka dalam bertindak (Cawthorne, 2008; Winfred dan Salime, 2002). Perkara awal yang perlu dijalankan adalah untuk memberi kesedaran kepada subordinasi wanita dalam menentukan dan menganalisis pandangan untuk membangunkan arah yang lebih baik, yang tidak dapat dilakukan sendiri oleh wanita miskin, manakala harus dilakukan oleh pihak luar (Kabeer, 1999).

Kajian-kajian berkenaan menunjukkan bahawa kebergantungan wanita peserta program kredit mikro kepada pertumbuhan kewangan mikro, tak hanya pada sisi keperluan wang sahaja, tetapi mereka dianggap tidak dapat berbuat apa-apa tanpa bimbingan daripada orang lain. Ianya menunjukkan bahawa proses pemeraksanaan wanita adalah sangat bergantung kepada penglibatan pihak lain.

Keadaan yang sama juga berlaku dalam program kredit mikro yang dijalankan oleh pertubuhan kerajaan Indonesia. Kredit Bimas, KIK dan KMKP bukan sahaja menyediakan modal, tetapi juga memberi panduan keseluruhan kepada peserta program, iaitu latihan kapasiti, pengurusan dan bimbingan pengaturan (Asmorowati, 2009; Tambunan, 2011). Program kredit mikro yang hanya memberi pinjaman wang, tanpa latihan adalah program berisiko gagal. Aladuwaka (2003) dan Alemu (2008) mendapati bahawa kejayaan program kredit mikro ditentukan oleh penglibatan langsung mentor untuk membantu wanita memulakan pembangunan diri sebagai proses pemeraksanaan untuk diri mereka sendiri. Ketiadaan mentor dalam program kredit mikro, boleh menjadi punca program itu tidak berjalan dengan baik. Pergantungan kepada pihak luar telah menjadi satu masalah dalam mengekalkan kemampuan program kredit mikro. Di sisi lain, tanpa sokongan luar, program ini tidak mencapai keputusan seperti yang dirancang.

Sehubungan dengan penglibatan mentor dalam proses pemeraksanaan wanita, koperasi di Indonesia mempunyai peraturan yang berbeza. Koperasi kredit adalah pertubuhan yang hanya menyediakan pinjaman mudah untuk ahli-ahli individu, tetapi tidak menyediakan kemudahan lain seperti latihan mengenai pengurusan atau penggunaan wang yang dipinjam (Kadis Koperasi, temubual 2003; Supratman; temubual 2013), kecuali koperasi ditubuhkan khusus untuk tujuan pembinaan kapasiti bagi ahli-ahlinya (Kadis Koperasi, temubual 2013). Keadaan tersebut menjadi penting dalam kajian ini, kerana walaupun ia tidak disertakan dengan mentor, proses pemeraksanaan wanita melalui program kredit mikro koperasi juga menunjukkan kejayaan. Walaupun di satu sisi, proses berkenaan berjalan perlahan, tetapi di sisi lain, wanita ahli koperasi lebih berdikari, lebih berhati-hati dan lebih tahan kepada risiko kegagalan.

Dengan mengkaji kemampuan wanita peserta program kredit mikro, maka lebih banyak wanita yang boleh menjadi peserta program tanpa harus terikat dalam satu kelompok. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat bagaimana wanita yang meminjam secara persendirian dapat bertahan dan mengembangkan perniagaan secara berdikari, sehingga boleh menjadi cara bagi koperasi lainnya untuk membuka akses kewangan dan membantu wanita miskin lainnya yang tidak memiliki kelompok. Pihak koperasi dapat merancang model program kredit mikro yang tepat dan bersesuaian bagi wanita yang tidak memiliki kumpulan. Dengan itu, usaha untuk meningkatkan program kredit mikro kepada wanita miskin di luar bandar perlulah lebih terancang dan berfokus dengan mengambil kira aspek-aspek keperluan peserta program supaya bermanfaat bagi wanita miskin di luar bandar.

Kajian-kajian yang telah dijalankan berkenaan dengan program kredit mikro dalam pemeraksanaan wanita luar bandar, adalah bertumpu kepada kumpulan-bersendirian di antara wanita peserta program. Manakala tidak semua wanita luar bandar yang boleh tersentuh dengan program-program kredit mikro yang mengutamakan cara kumpulan. Selain itu, dalam pendirian koperasi, tidak mewajibkan koperasi berkenaan untuk membentuk kelompok bagi semua ahlinya. Sehingga peserta program harus dapat mengatur kemampuan diri untuk boleh memanfaatkan pinjaman dari koperasi dengan sebaik-baiknya. Usaha untuk mengubah konsep program kredit mikro yang lebih mandiri perlu lah mengambilkira beberapa faktor yang mempengaruhinya, iaitu kemandiri, pengetahuan, yang boleh diterima oleh wanita miskin di luar bandar. Ianya dapat menjadi rujukan untuk mengubahsuai program sediaada kepada program yang lebih berkualiti dan mandiri.

Kajian ini dijangka dapat memberi manfaat kepada penyedia kewangan mikro, baik institusi kewangan rasmi mahupun koperasi dan pertubuhan bukan bank dalam menyusun semula bentuk perancangan program kredit mikro bagi wanita miskin luar bandar agar mereka dapat melibatkan diri dalam program tanpa harus bergantung kepada idea-idea atau tekanan dari pihak lain. Perancangan program kewangan mikro di Indonesia berpunca daripada perancangan kewangan yang selaras dengan sistem kewangan yang dijalankan oleh penyedia kewangan bagi golongan miskin dan wanita luar bandar.

Kajian ini pula diharapkan berguna bagi pembangunan negara terutamanya pembangunan bagi mencapai matlamat pembangunan ekonomi dan sosial. Kerajaan dan setiap pihak yang berkepentingan perlu membuat perancangan kewangan yang boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi luar bandar. Maknanya adalah, apabila wanita luar bandar dan golongan miskin boleh mengakses sumber kewangan dengan tiada hambatan, maka mereka tentu boleh mengembangkan ekonomi mereka sendiri dan menjadi aset pengembangan ekonomi bagi persekitaran sosial dan komuniti sehingga memberi kesan kepada lingkup yang lebih luas kepada negara. Penekanan ke atas pembangunan sosial wanita peminjam adalah penting kerana ia boleh meningkatkan pilihan dan kuasa sosial mereka dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, isu-isu ini memerlukan penerokaan lebih, seperti yang dilaksanakan melalui kajian ini.

### **1.8 Skop Kajian**

Kajian ini dihadkan kepada kumpulan wanita yang menjadi peserta program kredit mikro dan menjalankan aktiviti perniagaan. Had ini dilakukan mengikut kepada objektif kajian iaitu menentukan peranan program kredit mikro:


1. Fokus kajian adalah meningkatkan kualiti wanita luar bandar, pada bahagian pemerksaan, keupayaan menjalankan perniagaan, keupayaan menguruskan kewangan isi rumah dan perniagaan, dan keberkesanan dalam masyarakat.
2. Fokus kajian kepada koperasi adalah bertujuan untuk mengetahui peranan koperasi menyokong pengekalan perniagaan wanita luar bandar, dan boleh membantu memperbaiki kehidupan golongan miskin melalui program kredit mikro.
3. Tumpuan kajian kepada koperasi dan wanita ahli koperasi bertujuan untuk mencari hubungan yang rapat antara koperasi dan ahli-ahlinya, dan bagaimana mereka berinteraksi untuk mencapai matlamat: iaitu menggalakkan pembangunan ekonomi luar bandar dan memberi kesan kepada perubahan sosial.
4. Kajian ini dihadkan di Kabupaten (*district*) Gowa, Provinsi (*Province*) Sulawesi Selatan, Indonesia. Sebab bagi pilihan lokasi di Kabupaten Gowa, dengan pertimbangan berikut bahawa bilangan orang miskin yang tinggi. Menurut data BPS, bilangan orang miskin di Kabupaten Gowa mencapai 115,317 orang dari

823,698 orang penduduk, atau 14 peratus daripada total jumlah penduduk. Dari jumlah orang miskin tersebut, 65 peratus tinggal di kawasan luar bandar. Sebagai kawasan yang dekat dengan bandar Makassar yang merupakan bandaraya Provinsi Sulawesi Selatan, kawasan Kabupaten Gowa mengalami pengembangan dan pembangunan yang laju, yang mempengaruhi pembangunan kawasan luar bandar, terutamanya pengalihan dari kawasan pertanian ke kawasan perumahan dan perniagaan. Keadaan berkenaan menyebabkan masyarakat petani luar bandar harus bertukar kerja, manakala ramai orang miskin luar bandar berusaha bertahan hidup dengan menjalankan aktiviti perniagaan informal, terutamanya wanita.

### **1.9 Kerangka Teori dan Kerangka Konsep Kajian**

Titik permulaan daripada teori dalam kajian ini adalah paradigma kredit mikro yang telah menjadi strategi popular dalam pemerksaan wanita dan pengurangan kemiskinan di seluruh dunia. Bahagian ini mengikut kepada literatur yang ada untuk mengembangkan kerangka kerja teoritis untuk menguji hubungan antara kredit mikro, pemerksaan wanita dan pengurangan kemiskinan.

Menurut teori kredit mikro, kemiskinan dapat ditangani jika golongan miskin memiliki akses ke penyedia kredit, yang memungkinkan mereka membangun aktiviti perniagaan yang membolehkan mereka mendapatkan penghasilan, manakala mereka dapat membiayai hidup keluarga. Sebagaimana dalam Rajah 1.1, kredit mikro dapat meningkatkan kebajikan material keluarga peminjam melalui pendapatan, konsumsi dan pertumbuhan modal. Selain itu, kredit mikro dapat meningkatkan kebajikan sosial melalui pendidikan, kesihatan dan gizi anak-anak, dan pemerksaan wanita dalam bentuk keupayaan berdikari dan memiliki kepercayaan diri. Impak lanjut daripada kredit mikro kepada masyarakat adalah melalui pelaburan dan penyediaan pekerjaan baru, meningkatkan produktiviti dan membangun kesedaran masyarakat untuk menghindarkan golongan miskin daripada peminjam wang.



**Rajah 1.1** Kerangka Teoritis

Mayoux (1999) menyatakan bahawa terdapat pandangan di kalangan pengamal dan penyelidik yang menghasilkan tiga paradigma berbeza dari program kredit mikro untuk wanita, iaitu paradigma kebebasan kewangan, paradigma pembasmian kemiskinan, dan paradigma gender.

Paradigma kebebasan kewangan digunakan secara meluas oleh pakar ekonomi yang menyokong perkhidmatan kewangan untuk golongan miskin. Mereka menganggap bahawa perkhidmatan kewangan boleh merangsang pembangunan perniagaan mikro, yang menggalakkan produktivitas sehingga membawa kepada peningkatan pendapatan, yang seterusnya akan mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kebajikan keluarga dan kebajikan sosial (Pitt dan Khandker, 1996), yang pada akhirnya menggalakkan pelaburan.

Dalam paradigma pengurangan kemiskinan, perkhidmatan kewangan yang disasarkan kepada wanita dilihat sebagai pemenuhan keperluan praktikal wanita untuk memperolehi pendapatan dan pekerjaan, dan dipercayai menjadi cara terbaik bagi membolehkan wanita untuk mengatasi ketidaksamaan gender dan mengarah



pada pemerksaan wanita. Ia dianggap bahawa pengurangan kemiskinan memberi manfaat kepada wanita terutamanya dalam menggalakkan produktiviti dan penyediaan pekerjaan baru kepada lebih banyak orang. Manakala paradigma gender menganggap pemerksaan wanita sebagai tujuan itu sendiri, di mana wanita dapat mengurangkan ketidaksetaraan gender dalam komuniti, membangun kemandirian dan rasa percaya pada diri sendiri, dan membuka akses ke sumber, baik sumber kewangan dan asset lainnya secara aman.

Namun Mayoux (1999) mengkritik sistem perkhidmatan kewangan itu dengan alasan bahawa akses kepada pembiayaan mikro secara automatik menyumbang kepada peningkatan hasil dengan merangsang aktiviti ekonomi wanita, sering tidak dapat dipertahankan. Ada beberapa sebab wanita menghadapi banyak halangan dan rintangan untuk akses ke sumber kewangan, iaitu kesan kepada pendapatan wanita adalah kecil; kawalan kepada pendapatan tidak selalu jelas; dan wanita dihadapkan pada norma-norma mengenai tanggung jawab kepada rumah tangga. Di samping itu, walaupun perubahan struktur sosial dan ekonomi terhadap subordinasi atau pemerksaan, baru dapat dilihat sebagai hasil akhir, namun peranan institusi dalam menyumbang kepada pemerksaan wanita pun tidak besar.

Konsep-konsep asas pemerksaan bermula daripada pergerakan sosial tahun 1960-an dan inisiatif kemandirian pada tahun 1970-an (Rappaport, 1985). Pada masa ini, perspektif mengenai pemberian kuasa kepada wanita menjadi wacana dan didiskusikan banyak kalangan. Peneliti seperti Korten (1995) dan Chambers (2010), meletakkan konsep pemerksaan wanita dalam perbincangan pembangunan melalui penyertaan komuniti.

Teori gender dan pembangunan menegaskan bahawa kuasa hanya boleh direalisasikan dengan mengakui kepentingan gender kepada wanita dan menganalisis peranan dan objektif praktikal dan strategik mereka (Mayoux, 1995; Moser, 1989; Molyneux, 1985). Untuk tujuan perancangan pembangunan, Moser (1989) mencadangkan kepentingan praktikal dan strategik, sebagai objektif yang mesti dipenuhi bagi mencapai matlamat kepentingan gender (Moser, 1989). Golongan wanita yang cenderung terpinggir dan kehilangan keyakinan diri, digalakkan untuk

membangunkan kemahiran dan memiliki pengetahuan dengan tumpuan kepada menghapuskan pergantungan, terutamanya kepada lelaki (Sen, 2000). CARE (2005) – pertubuhan penderma antarabangsa, dan UN Women (2011) menunjukkan kepentingan memberikan keperkasaan kepada wanita, manakala mereka boleh diberi peranan yang besar dalam proses pembangunan ekonomi di peringkat paling asas, iaitu keluarga. Manakala Sen (2000) mengatakan bahawa pemerksaan wanita dibuat untuk memudahkan wanita dalam merancang, memutuskan, dan menguruskan sumber-sumber supaya mereka boleh mempunyai kemahiran, dan kemerdekaan ekonomi dan sosial.

Pemerksaan wanita berurusan dengan sistem nilai wanita dan lelaki dalam masyarakat yang berkaitan dengan pengagihan kuasa (Pandey 2002; Sen, 2000). Budaya patriarki yang menguasai masyarakat di banyak negara, telah meletakkan kedudukan wanita lebih rendah daripada lelaki di bawah peraturan-peraturan yang dibangunkan melalui nilai-nilai agama, kepercayaan dan budaya. Sen (2000) menyatakan bahawa cara di mana kemajuan ekonomi dinilai dalam dunia kontemporari, wanita cenderung diberi peranan yang lebih besar untuk menguruskan keperluan isi rumah, walaupun pada masa sekarang telah dicapai kemajuan dalam meningkatkan hak wanita. Sen (2000) menganggap bahawa langkah-langkah dan usaha perlu dilakukan untuk menjadikan kehidupan wanita lebih berdikari dan lebih kuat, kerana wanita adalah pendorong utama untuk mencapai strategi pembangunan kepada pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial, dan kemampuan alam sekitar. Pemerksaan wanita adalah faktor yang sangat penting untuk mengelakkan kes-kes keganasan terhadap wanita. Penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi dapat mengurangkan keganasan rumah tangga yang kebanyakannya dilakukan oleh suami. Penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi, boleh direalisasikan dalam bentuk perniagaan kecil yang dijalankan oleh wanita di luar aktiviti dalam rumah tangga. Wanita diberi kuasa bagi tidak membebankan suaminya, dan tidak menjadi nombor dua. Pemerksaan wanita bermakna kepada meningkatkan status wanita sama dengan lelaki dalam rumahtangga dalam memberikan pendapat, akses ke sumber dan mendapatkan pengakuan dalam keluarga dan masyarakat (Goetz dan Goepa, 1996; Kabear, 1999; Pandey, 2002; Sen, 2000).

Proses panjang diperlukan untuk mencapai pemerksasaan wanita. Proses tersebut dapat dimulakan dengan memberi pinjaman kecil kepada wanita, sehingga boleh memulakan perniagaan mereka sendiri (Yunus, 2007). Akses kepada sumber kewangan boleh menjadi titik mula bagi wanita untuk menciptakan aktiviti yang memberi manfaat bagi diri sendiri (Sharma dan Zeller, 2000; Yunus, 2007), dan seterusnya belajar kepada pengalaman, meningkatkan kemahiran dan pengetahuan diri (Bernasek dan Stanfield, 1997; Hunt dan Kasyanathan, 2001). Strategi berkenaan bertujuan kepada peningkatan kebajikan isi rumah, peningkatan kepercayaan diri, pengalaman dan memiliki kemahiran (Braidotti, Charkiewicz, Hausler dan Wierunga, 1994; Escobar, 1995).

Sebagai golongan miskin yang memiliki modal terhad, kredit mikro telah memberi peluang kepada wanita miskin untuk boleh memiliki modal sendiri dan menubuhkan perniagaan. Perniagaan berkait dengan aktiviti ekonomi yang dilakukan seorang individu atau masyarakat keseluruhannya, dengan cara berniaga dan berdaya maju, dan kerja yang mendapat keuntungan. Drucker (1984) menyatakan, perniagaan adalah keupayaan untuk mencipta sesuatu yang baru dan berbeza. Ini berarti bahawa individu yang menjalankan aktiviti perniagaan, patut untuk membuat daya berniaga yang baru dan berbeza. Rutashobya dan Nchimbi (1999) lebih menekankan perniagaan kepada inovasi, penggunaan modal yang berkesan dan kesiapan menghadapi risiko, manakala Bonu (1999) mendefinisikan perniagaan sebagai aktiviti yang inovatif, imajinatif, kemahiran, optimistik dan keberanian. Dalam konteks golongan miskin yang berpendidikan rendah, adalah terlalu jauh menempatkan perniagaan sebagai bidang untuk mencipta sesuatu yang baru dan berlaku inovatif. Bagaimanapun, perniagaan bagi golongan miskin tepat kepada perniagaan informal, di mana pelaku lebih mengutamakan keuntungan yang didapatkan daripada selisih harga beli dan harga jual. Bagaimana pun, target utama golongan wanita miskin dalam menjalankan aktiviti perniagaan adalah untuk mencapai pengalaman, kemahiran, dan pengetahuan (Drucker, 1984; Mariott dan Glackin, 2010). Dalam kaitan ini, peran kredit mikro adalah menjadi tumpuan mula aktiviti berkenaan.

Aktiviti perniagaan mempunyai kaitan erat dengan kredit mikro.

Bagaimanapun, pinjaman mikro yang diperolehi oleh kalangan wanita, harus dimanfaatkan dengan sebaik-baik sehingga memberi keuntungan yang dapat digunakan untuk membayar balik pinjaman dan sebagai sumber pendapatan bagi keluarga.


Kredit mikro sebenarnya adalah pinjaman kecil dengan syarat yang mudah dan tanpa cagaran dengan matlamat kedua-dua ekonomi dan sosial, termasuk sasaran gender yang praktikal dan strategik. Johnson dan Rogally (1997) menerangkan bahawa strategi kredit mikro adalah untuk menangani matlamat seperti: melindungi dan meningkatkan pendapatan (matlamat ekonomi), dan menukar hubungan sosial yang menindas (matlamat sosial).

Peranan kredit mikro dalam mencapai matlamat untuk wanita miskin iaitu kejayaan ekonomi seperti pembangunan perniagaan mikro untuk memiliki aliran pendapatan dan kestabilan (Otero dan Rhyne, 1994; Moser, 1993). Kemajuan bagi wanita seperti keyakinan meningkat, status dibangkitkan, kawalan yang lebih besar ke atas sumber dan membuat keputusan, dan mobiliti berkembang adalah antara lain faedah sosial dikaitkan dengan penyediaan pinjaman kepada wanita (Hashemi, Shuler dan Riley, 1996; Pitt dan Khandker, 1996; Rahman, 1986).

Dalam konteks kajian ini, penekanan kepada pemerksaan wanita adalah proses menuju kepada pengurangan kemiskinan, yang digambarkan dalam kebajikan keluarga dan masyarakat dalam lingkup yang sempit. Sementara dalam lingkup yang lebih luas adalah tersedianya pelaburan manakala dapat meningkatkan produktiviti masyarakat, serta membangun kesedaran masyarakat untuk dapat lepas daripada peminjam wang.

Berdasarkan gambaran kerangka teori pada Rajah 1.1, dibangun satu konsep kajian di mana kredit mikro memberikan kesan yang besar kepada pemerksaan wanita, melalui akses ke sumber kewangan, sebagaimana pada Rajah 1.2. Memiliki akses kepada sumber kewangan, akan memberi kesempatan kepada wanita untuk menjalankan aktiviti perniagaan, yang memberi pendapatan bagi keluarga, sehingga meningkatkan kebajikan keluarga dan secara lebih luas iaitu kebajikan komuniti.

Ianya bermakna bahawa penglibatan wanita telah memberikan kesan kepada masyarakat.



**Rajah 1.2** Kerangka Konsep Kajian

Dengan demikian, kerangka konsep kajian ini boleh didapati bahawa kredit mikro mempunyai peranan yang sangat besar kepada transformasi dalam pelbagai sektor. Peranan kredit mikro adalah menggalakkan pemerdayaan wanita sehingga boleh meningkatkan kebajikan keluarga dan komuniti, yang pada akhirnya dapat menciptakan pelaburan, membangun produktivitas dan menghindarkan komuniti dari dari perhambaan daripada peminjam wang. Manakala kebajikan dalam keluarga sudah menjadi lebih baik, maka akan memberikan impak kepada kebajikan komuniti

persekitarannya, yang pada akhirnya boleh melepaskan keluarga dan masyarakat daripada kemiskinan

### **1.10 Definisi Konsep**

Bagian ini merangkumi beberapa definisi konsep yang digunakan dalam kajian ini, iaitu:

#### **1.10.1 Kredit mikro**

Menurut Schreiner dan Colombet (2001), program kredit mikro merupakan satu usaha untuk meningkatkan akses kepada golongan miskin untuk pinjaman kecil untuk isi rumah miskin yang diabaikan oleh bank. Perkhidmatan Kredit mikro juga bermakna mobilisasi simpanan dan pemberian pinjaman dengan nilai ekonomi, untuk mencipta peluang pekerjaan dan satu cara untuk membantu kemampanan dan memperbaiki kehidupan golongan miskin.

Kredit mikro adalah pinjaman sangat kecil yang diberikan kepada wanita miskin yang tiada mempunyai cagaran, tiada pekerjaan yang stabil dan tiada memiliki sejarah kredit yang disahkan. Ia direka bentuk bagi membantu wanita miskin luar bandar untuk memulakan atau menjaga kesinambungan perniagaan. Kredit mikro bukan sahaja untuk menyokong perniagaan tidak formal bagi meningkatkan pendapatan keluarga miskin, dan seterusnya menggalakkan pemerksaan wanita di kawasan luar bandar.

#### **1.10.2 Pemerksaan Wanita**

Kabeer (1999) menyatakan bahawa konsep pemerksaan wanita merujuk kepada kuasa untuk menentukan pilihan dan keupayaan untuk memilih. Konsep ini

bermakna proses yang dialami oleh mereka yang tidak mempunyai keupayaan untuk memilih, menjadi mampu untuk hal tersebut.

Pemeriksaan wanita adalah perluasan pilihan kepada wanita dan memiliki peluang untuk meningkatkan kemahiran dan mendapatkan pilihan-pilihan dalam rumah tangga. Pemeriksaan adalah proses mendapatkan peluang-peluang asas untuk wanita, sama ada oleh diri sendiri atau melalui bantuan orang lain yang berkongsi akses untuk mendapatkan peluang-peluang ini. Pemeriksaan wanita adalah suatu proses dalam membantu wanita membangunkan martabat diri manakala mereka boleh memiliki peluang, hak berpendapat, dan akses sumber. Pemeriksaan wanita termasuk menggalakkan dan membangunkan kemahiran dan sara diri, dengan tumpuan kepada menaikkan kebajikan wanita dalam rumah, kumpulan dan juga dalam komuniti.

### **1.10.3 Pengurangan Kemiskinan**

Cheyne, O'Brien dan Belgrave (1998) menyebutkan bahawa kemiskinan merupakan persoalan individual yang disebabkan oleh kelemahan dan ketidakmampuan individu dalam memilih kehidupan yang lebih baik. Sementara itu, Rodriguez, 2000 menyatakan, kemiskinan adalah ketidakmampuan kumpulan atau keluarga dalam memenuhi kemakmuran ekonomi yang dianggap sebagai keperluan minimum standard tertentu hidup.

Kemiskinan merupakan ketiadaupayaan keluarga untuk mendapatkan wang yang cukup kerana tiada memiliki pekerjaan yang baik, manakala tidak dapat memenuhi keperluan hidup sehari-hari, iaitu makan minum, dan pendidikan.

Untuk itu diperlukan upaya pengurangan kemiskinan melalui pemberian modal kerja, manakala individu memenuhi keperluan asas keluarga, serta dapat memberikan pendidikan bagi anak dan menambah asset bagi isi rumah dan seterusnya dapat menggalakkan keikutsertaan dalam kegiatan sosial, pelaburan dan

peningkatan produktiviti bagi komuniti.

#### **1.10.4 Kebajikan Keluarga**

Zaman (1999) menyebut bahawa kebajikan boleh dinilai dari keupayaan yang meningkat untuk membina aset dan penggunaan lancar dengan keseimbangan antara pendapatan dan perbelanjaan.

Kebajikan keluarga dicapai apabila keluarga yang dapat memenuhi keperluan kehidupan seharian dan meningkatkan keupayaan untuk menerima dan membina aset, dan mengurangkan pendedahan kepada kekurangan. Kebajikan keluarga di sebelah bahan terpancar di dalam petunjuk kekayaan, pendapatan pendapatan dan perbelanjaan per kapita.

#### **1.10.5 Aset**

Woller dan Woodworth (2001) menyebut bahawa sukar bagi wanita miskin untuk mendapatkan akses kepada institusi kewangan kerana mereka tidak mempunyai barang-barang berharga dan harta benda yang boleh menjadi cagaran untuk meminjam modal.

Aset adalah barangan yang dimiliki, sama ada satu usaha yang berterusan, simpanan, tahap pendidikan, serta barang-barang berharga yang boleh digunakan untuk mendapat akses kepada institusi kewangan.

#### **1.10.6 Kebajikan Komuniti**

Todaro (2003) mencadangkan bahawa kebajikan sosial masyarakat diwakili pada tahap kehidupan masyarakat ditandai dengan bebas daripada kemiskinan,



kesihatan yang lebih baik, pendidikan tinggi, dan keupayaan dalam meningkatkan produktiviti.

Kebajikan sosial adalah keupayaan dalam memenuhi syarat-syarat material, spiritual, sosial dan rakyat sehingga dapat hidup dengan lebih baik dan mampu untuk membangunkan diri mereka sendiri, sehingga mereka dapat melaksanakan fungsi sosial mereka.

### **1.10.7 Pelaburan**

Makina dan Malobala (2004) menjelaskan kesan program kredit mikro untuk masyarakat, iaitu untuk menyediakan faedah sosio-ekonomi kepada pertumbuhan dan kestabilan pendapatan, pendidikan dan memperkasakan wanita.

Definisi pelaburan dalam penyelidikan ini adalah keupayaan orang untuk mengambil bahagian dalam pembangunan masyarakat, meningkatkan pendidikan, dan untuk menggalakkan penciptaan perniagaan dan pekerjaan.

### **1.10.8 Produktiviti**

Sebagaimana Minniti, Arenius, dan Langowitz (2005) menyatakan bahawa aktiviti perniagaan dapat menggalakkan produktiviti seseorang dengan memanfaatkan modal kecil dan meneroka bahan, manakala dapat mewujudkan ekonomi yang aktif dan dinamik.

Produktiviti adalah keupayaan seseorang untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan dengan menggunakan sumber yang sedia ada. Dalam erti kata lain, produktiviti mempunyai dua dimensi. Dimensi pertama adalah keberkesanan yang membawa kepada pencapaian sasaran yang berkaitan dengan kualiti, kuantiti dan masa. Yang kedua ialah kecekapan yang

berkaitan dengan coba untuk membandingkan input yang sebenarnya digunakan atau bagaimana kerja itu dilakukan.

### **1.11 Susunan Bab**

Thesis ini disusun dalam 7 Bab yang merangkumi kajian yang dijalankan, dengan susunan berikut:

Bab satu menerangkan masalah kemiskinan yang menjadi asas kajian ini, manakala menjelaskan objektif kajian yang ingin dicapai. Bab ini juga menerangkan kerangka konsep yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, pendekatan pemerksaan yang menganalisis hubungan kuasa dan upaya wanita dalam membangun kebajikan keluarga hingga memiliki keupayaan dalam penambahan aset isi rumah. Selainnya adalah peranan wanita untuk meningkatkan produktiviti dan menciptakan pelaburan kepada masyarakat, manakala dapat membangun kebajikan komuniti dan sosial.

